

29 SEP 1996
Mahathir - Pulang
PERDANA MENTERI KEMBALI KE TANAH AIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad pulang hari ini selepas lawatan 17 hari ke Zimbabwe, Portugal dan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, disambut di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah oleh beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Dr Mahathir mula sekali singgah di Harare, ibu negara Zimbabwe pada 13 Sept kerana menghadiri Sidang Kemuncak Suria dan menyampaikan ucapan dasar bertujuan mencari jalan meningkatkan penggunaan sumber tenaga.

Dari negara Afrika itu, Perdana Menteri berlepas ke Lisbon untuk lawatan tiga hari ke Portugal bermula 20 Sept.

Beliau kemudian mengunjungi Presiden Portugal Mario Soares dan mengadakan rundingan dengan rakan sejawatannya Antonio Guterres.

Beliau juga melawat litar lumba kereta Formula One di Estoril. Malaysia akan membina litar Formula One dekat Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan akan menganjurkan kejohanan itu pada 1999.

Selepas melawat Portugal, Perdana Menteri bertolak ke Boston, Amerika Syarikat dan melawat Institut Teknologi Massachusetts.

Beliau kemudian berada di New York pada 27 Sept dan berucap pada sesi ke-51 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu sebelum singgah di London dalam perjalanan pulang. -- BERNAMA

ES FAZ